

Tiga balai bomba baharu bakal dibina di Pahang tahun ini

LIPIS – Sebuah balai bomba baharu kategori D akan dibina di kawasan Sungai Koyan di sini penghujung bulan ini melibatkan kos RM3 juta.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin berkata, pembinaan balai itu dilakukan berikutan pertambahan kawasan perumahan dan bilangan penduduk di kawasan berkenaan.

“Selain itu, kita juga sedang merancang untuk mewujudkan dua lagi balai bomba baharu iaitu di Pe-

kan Benta dan Merapoh tahun ini berikutan pembinaan Lebuhraya Sentral Spine Road.

“Pembinaan balai-balai baharu ini juga secara langsung menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam tugas-tugas menyelamatkan mangsa kebakaran dan kemalangan seiring dengan transformasi pembangunan kerajaan,” katanya selepas Majlis Perasmian Taklimat dan Kursus My-BOMBA Jawatankuasa Perwakilan Penduduk daerah Lipis di Dewan Residen di sini semalam.

– Bernama